

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT
25 OKTOBER HINGGA 16 DISEMBER 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan pindaan terhadap Fasal 1 (2) Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* dalam Malaysia dan bukan setakat salah satu daripada negeri di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY
ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Rang Undang-Undang Perlembagan Persekutuan (Pindaan) 2021 iaitu melibatkan cadangan pindaan kepada Fasal (2) kepada Perkara 1, Fasal (2) kepada Perkara 160(2) mengenai bagi meminda tafsiran sedia ada bagi maksud “Persekutuan” dan bagi memasukkan definisi baharu “Hari Malaysia” telah diperakukan oleh Majlis Khas MA63 pada 18 Oktober 2021 dan telah dibawa kepada Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2021.

Cadangan pindaan ini akan turut dibentangkan bersekali dengan cadangan pindaan kepada Fasal (6) dan Fasal (7) kepada Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan yang mana akan dapat menyelesaikan masalah yang berbangkit berhubung tafsiran anak negeri di Sarawak. RUU ini telah dibentangkan untuk Bacaan Kali Pertama pada 3 November 2021.

Sekian, terima kasih.